

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 JUN 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 7

### Kerangka statistik gaji secara suku tahun dibentang 84 peratus rakyat tiada simpanan tetap



AHMAD BADRI (dua dari kiri) bersama Rafizi (tengah) pada Majlis Pelancaran Panduan dan Aplikasi Belanjawanku di Menara KWSP, Kwasa Damansara di Sungai Buloh semalam.

Turut sukar simpan RM1,000 dana kecemasan

## 84 peratus rakyat tiada simpanan tetap

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

**SUNGAI BULOH** – Kajian daripada Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023, yang dibangunkan oleh Jaringan Pendidikan Kewangan, atau Financial Education Network (FEN) menunjukkan bahawa 84 peratus rakyat Malaysia tidak mempunyai simpanan tetap ketika ini.

Kajian itu mendedahkan rakyat Malaysia hanya mempunyai simpanan jangka masa pendek dan akan mengeluarkan semula pada hujung bulan untuk menampung perbelanjaan harian.

Pengerusi KWSP, Tan Sri Ahmad Badri Mohd. Zahir berkata, kajian tersebut adalah untuk tempoh 2019 sehingga tahun ini oleh agensi itu yang juga ahli kepada badan tersebut.

"Mengikut data itu, sebanyak 84 peratus rakyat Malaysia me-

ngakui, mereka menyimpan secara tetap hanya untuk jangka pendek, di mana lazimnya, simpanan itu akan dikeluarkan semula pada hujung bulan untuk menampung perbelanjaan harian.

"Data itu juga menunjukkan 52 peratus rakyat Malaysia berasa sukar mengeneipkan RM1,000 untuk kegunaan kecemasan.

"Selain itu, sebanyak 76 peratus rakyat mempunyai belanjawan, tetapi tidak semua benar-benar mematuhi belanjawan itu," katanya pada Majlis Pelancaran Panduan dan Aplikasi Belanjawanku di Menara KWSP, Kwasa Damansara, di sini semalam.

Majlis itu dirasmikan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli serta Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Ujar Ahmad Badri, statistik itu jelasnya menunjukkan rakyat Malaysia perlu mempergiatkan lagi pendidikan kewangan dalam me-

ningkatkan literasi kewangan sebagai salah satu prasyarat mengukuhkan kesejahteraan kewangan dan persaraan masing-masing.

Ujar beliau, salah satu langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan literasi kewangan dengan mencarum secara konsisten ke dalam akaun KWSP.

"Justeru, bagi membantu ahli menambah simpanan KWSP mereka, had maksimum caruman sukarela KWSP telah dinaikkan daripada RM60,000 setahun kepada RM100,000 bermula 1 Jun lalu.

"Selain itu, KWSP turut melaksanakan pelbagai inisiatif lain untuk memperkukuh asas pendidikan dan literasi kewangan di kalangan masyarakat umum.

"Ini termasuk memberi khidmat nasihat persaraan percuma kepada ahli KWSP serta melaksanakan Program Literasi Kewangan dan Kaji Selidik Literasi Kewangan setiap tahun," ujarnya.